

Projek interaktif galak belia berbahasa Melayu



Cik Masturah Maidin, 37 tahun, berharap projek warisan Melayu antara generasi, 'Speaking Selves', dapat menggalakkan golongan belia menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian mereka. — Foto SGPO

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Bagi Cik Masturah Maidin, 37 tahun, bahasa dan kisah masyarakat yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi tidak seharusnya luput ditelan zaman kerana ia mengandungi pengajaran dan inti pati yang bernilai kepada masyarakat.

Namun, apabila melihat semakin kurang golongan belia bertutur dalam bahasa Melayu di rumah mahupun bersama rakan-rakan, beliau terdorong untuk menyediakan sebuah ruang selamat agar mereka dapat menggunakan bahasa itu tanpa rasa takut dikritik.

Dengan pengalaman beliau dalam bidang reka bentuk selama 15 tahun, beliau membangunkan projek warisan Melayu antara generasi, 'Speaking Selves', yang menghubungkan golongan belia dengan warga emas menerusi pondok telefon interaktif dan peti surat poskad.

Menurut pelajar Sarjana Reka Bentuk di Maktab Seni Lasalle itu, projek tersebut bertujuan menggalakkan golongan belia berinteraksi dengan warga emas secara santai.

Projek tersebut, yang mendapat pembiayaan Dana Kerjasama SG (SG Partnerships Fund) Peringkat Awal di bawah Pejabat Kerjasama Pemerintah Singapura (SGPO), telah berlangsung selama lima minggu dari April di Sekolah Ren-

“Saya mahu projek ini melibatkan masyarakat dengan mengurangkan halangan untuk bertutur dalam bahasa Melayu, agar mereka tidak terlalu berfikir setiap kali menggunakan bahasa itu... 'Speaking Selves' juga merupakan satu wadah untuk golongan belia mengajukan soalan yang selama ini ingin mereka tanyakan kepada datuk dan nenek mereka, tetapi tidak berpeluang berbuat demikian.

Cik Masturah Maidin.

dah Tampines dan Our Tampines Hub.

Sebagai penerima dana tersebut, 'Speaking Selves', boleh menerima pembiayaan sehingga 100 peratus daripada kos program yang layak, dengan jumlah maksimum \$5,000.

Semasa ditemui *Berita Harian* (BH), Cik Masturah berkata ramai belia kurang yakin untuk menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian kerana terlalu memikirkan sama ada bahasa yang digunakan betul atau tidak.

“Saya mahu projek ini melibatkan masyarakat dengan mengurangkan halangan untuk bertutur dalam bahasa Melayu, agar mereka tidak terlalu berfikir setiap kali menggunakan bahasa

itu,” kata beliau.

Menurut Cik Masturah, sejak pelancarannya, projek itu mencatat lebih 800 penggunaan telefon serta menerima lebih daripada 500 keping poskad.

Bagi pondok telefon interaktif, peserta terlebih dahulu mendengar rakaman suara warga emas yang berkongsi kisah kehidupan, kenangan dan pengalaman menerusi pondok telefon sebelum diberi peluang merakamkan respons mereka sendiri.

Sementara itu, peti surat poskad membolehkan peserta menulis soalan, berkongsi pengalaman atau mendapatkan nasihat daripada warga emas yang mengambil bahagian dalam projek itu.

Poskad tersebut kemudian diserahkan oleh Cik Masturah kepada warga emas yang terlibat untuk dibalas.

Selepas itu, respons kepada rakaman suara dan tulisan poskad akan dimuat naik ke laman web, [MalayMondays.com](#) untuk rujukan peserta.

Malay Mondays adalah satu usaha dalam talian yang dihasilkan Cik Masturah untuk menerangkan frasa bahasa Melayu dan menggalakkan orang ramai berbahasa Melayu.

“‘Speaking Selves’ juga merupakan satu wadah untuk golongan belia mengajukan soalan yang selama ini ingin mereka tanyakan kepada datuk dan nenek mereka, tetapi tidak berpeluang berbuat demikian,” kongsi Cik Masturah.

Beliau mahu projeknya itu menggalakkan peserta berkomunikasi secara autentik dan organik.

Buat masa ini, projek tersebut dalam tempoh berehat dan tidak dipamerkan.

“Saya berharap projek ini dapat diluaskan ke tempat seperti Jawatankuasa Penduduk (RC) untuk menggalakkan perbualan dalam masyarakat di antara golongan muda dengan warga emas,” kata beliau.

Cik Masturah juga sedang berusaha menghasilkan panduan bagi projek beliau agar badan lain juga dapat meneruskan usaha tersebut di kawasan lain atau menyesuaikan dalam bahasa ibunda yang lain.

An interactive project to encourage youths to speak Malay

For Ms Masturah Maidin, 37, the language and stories from the community which have been passed down from one generation to another should not be lost to time because they contain valuable lessons and the essence of the community.

However, when she saw that fewer youths spoke Malay at home or with friends, she was driven to create a safe space so that youths can use the language without fear of criticism.

With her 15 years of experience in the field of design, she developed the intergenerational Malay heritage project, *Speaking Selves*, which connects youths with the elderly through interactive telephone booths and postcard mailboxes.

According to the MA Design student at LASALLE College of the Arts, the project aims to encourage youths to interact with seniors in a relaxed manner.

The project, which received funding from the SG Partnerships Fund under the Singapore Government Partnership Office (SGPO), ran for five weeks from the month of April at Tampines Primary School and Our Tampines Hub.

As the recipient of the grant, *Speaking Selves* may receive funding of up to 100% of the eligible programme costs, subject to a maximum amount of \$5,000.

When interviewed by *Berita Harian* (BH), Masturah said many youths lack confidence in using Malay in daily conversations because they think too much about whether they have used the language correctly or not.

“I want this project to involve the community by reducing the barriers to speaking Malay, so that people do not have to think too much every time they use the language,” she said.

According to Masturah, since its launch, the project has recorded more than 800 phone calls and received more than 500 postcards.

For the interactive phone booth, participants first listened to recordings of senior citizens sharing their life stories, memories and experiences through the phone booth before being given the opportunity to record their own responses.

Meanwhile, the postcard mailbox allows participants to write questions, share experiences or get advice from senior citizens participating in the project.

The postcards were then handed over by Masturah to the senior citizens involved for a reply.

After that, the responses to the voice recordings and postcards were uploaded to the website, [MalayMondays.com](#) for the participants' reference.

Malay Mondays is an online effort created by Masturah to explain Malay phrases and encourage people to speak Malay.

“*Speaking Selves* is also a platform for youths to ask the questions that they have always wanted to ask their grandparents but have not had the opportunity to do so,” shared Ms Masturah.

She hopes the project will encourage participants to communicate authentically and naturally.

For now, the project is on a hiatus and is not on display.

“I hope this project can be expanded to places like the Residents’ Committee (RC) to encourage conversations between the young and the elderly in the community,” she said.

Ms Masturah is also working on producing guidelines for her project so that other bodies can also continue the effort in other areas or adapt it into other mother tongues.